REKA letak setiap elemen dalam landskap mempunyai fungsinya yang tersendiri.

Pastikan ruang dalaman atau luaran beri manfaat kepada individu dalam persekitaran

TUGAS PENTING ARKITEK LANDSKAP

FOKUS

DARI MUKA 49

Beliau yang juga Ketua Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Senibina dan Senireka, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, komponen utama pendekatan ini termasuk penyesuaian iklim, mengurangkan tekanan haba, kepelbagaian bio, pengeluaran makanan, kualiti udara lebih baik, pengeluaran tenaga lestari, air bersih dan tanah yang subur, selain peningkatan kualiti hidup melalui rekreasi, memberi naungan dan tempat perlindungan di sekitar bandar atau luar bandar.

Malah infrastruktur hijau juga menyediakan rangka kerja ekologi untuk kesihatan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Dr Suhardi tidak menafikan penyediaan infrastruktur hijau menjadi akses kepada masyarakat untuk beriadah dan mengamalkan gaya hidup lebih sihat.

"Ia sekali gus mampu meningkatkan kesihatan masyarakat secara menyeluruh di kawasan perbandaran khususnya," katanya.

Malah beliau mengakui landskap adalah terjemahan semua aspek yakni untuk pendidikan, komuniti, memupuk kekeluargaan, kesinambungan bandar, riadah dan persahabatan.

"Ini bermakna peranan arkitek landskap adalah menyeluruh, bermula dengan penyediaan pelan dan laporan perancangan landskap termasuk pelan induk landskap.

"Di samping itu, dia turut menjalankan khidmat penilaian dan kajian landskap dari visual, pentaksiran pokok hingga karakter landskap.

"Begitu juga dengan penyediaan pelan pengurusan dan penyelenggaraan landskap, semuanya tersenarai dalam khidmat arkitek landskap,"

GAMBARAN pembangunan Tun Razak Exchange (TRX) yang mengambil kira keseimbangan seni bina landskap.

DR Suhardi

katanya yang mengakui peranan arkitek landskap perlu lebih daripada itu supaya pembangunan pesat negara tidak memberi tekanan kepada ruang hijau.

Menurut Dr Suhardi, naratif penceritaan dalam seni bina landskap seharusnya menjadi kekuatan supaya segenap ruang dalaman atau luaran mampu memberikan manfaat sepenuhnya kepada sesiapa yang berada dalam persekitaran itu.

SEJARAH SENI BINA LANDSKAP

Mengimbau sejarah seni bina landskap untuk tempoh sebelum 1800, kebun landskap (kemudian dipanggil seni bina landskap) adalah sebahagian daripada perancangan induk dan reka bentuk taman untuk rumah bangsawan, istana dan harta diraja, kompleks keagamaan serta pusat kerajaan.

Istilah seni bina landskap yang dicipta Gilbert Laing Meason pada 1828 dan John Claudjus Loudon (1783-1843) memainkan peranan penting dalam penggunaan istilah itu.

Amalan seni bina landskap kemudiannya tersebar secara meluas. Pada abad ke-19 yang lalu, istilah arkitek landskap mula digunakan pereka landskap profesional hinggalah Institut Federation Landscape Architect (IFLA) ditubuhkan di Cambridge, England pada 1948.

ARKITEK landskap perlu memastikan pembangunan pesat negara tidak memberi tekanan kepada ruang hijau.

SUASANA malam menceriakan di River of Life yang turut menyerlahkan keindahan Kuala Lumpur.

PERANAN arkitek landskap juga lebih luas tidak hanya tertumpu kepada pembentukan landskap semata-mata.

DUA KATEGORI BARU ANUGERAH

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) memperkenalkan dua kategori baru iaitu kategori Anugerah Inisiatif Hijau bagi Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Kategori Profesional (International Entry) sempena anugerah tahunan Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) buat kali ke-11.

Anugerah berprestij yang mengiktiraf penggiat landskap terbaik dan cemerlang di Malaysia dan antarabangsa itu bakal diadakan pada 20 April ini di New World Hotel Paradigm Mall Petaling Jaya, Selangor.

Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Prof Madya Dr Suhardi Maulan berkata, tahun ini pihaknya menerima penyertaan sebanyak 141 dari Malaysia dan antarabangsa termasuk Singapura, Filipina, China serta Vietnam.

Lebih bermakna, Arkitek Kanan Landskap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Khairul Amri Adam bakal menjadi penerima pertama bagi kategori Anugerah Arkitek Muda daripada sektor kerajaan.

"Penyertaan yang diterima pada tahun ini bakal bersaing untuk sembilan kategori termasuk kategori Profesional (Reka Bentuk landskap, Penyelidikan dan Analisis Landskap, Arkitek Landskap Muda dengan profesional dengan pengalaman kurang dari 10 tahun), Kontraktor Landskap, Pemaju dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan Penyelidik.

"Kategori kerajaan terdiri daripada Anugerah Inisiatif Hijau dan kategori pelajar pula dianugerahkan bagi reka bentuk terbaik.

"Semua penerima anugerah kecemerlangan pula bakal bersaing untuk anugerah paling berprestij iaitu Projek Tahunan. Anugerah lain termasuk Anugerah Cemerlang, Anugerah Kepujian dan Anugerah Merit," katanya.

Majlis yang diadakan serentak dengan malam gala ILAM itu sebahagian aktiviti yang diadakan sempena bulan Seni Bina Landskap Sedunia yang dirai setiap April.

Sepanjang April, pelbagai usaha dan program seperti seminar, persidangan serta kempen kesedaran awam turut dijalankan bertujuan memperkenalkan kerjaya dan bidang arkitek landskap. **Nurul Husna Mahmud**

FOTO IZULFADHLI ZULKIFLI

DR SUHARDI (dua dari kanan) bersama Timbalan Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), Prof Dr Nor Atiah Ismail dan dua penerima Anugerah Arkitek Muda.